

31 DEC 2001

TEMURAMAH BERSAMA DR MAHATHIR DISIARKAN MELALUI RTM DAN ASTRO ESOK

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengulas mengenai isu-isu luar dan dalam negeri, termasuk peranan beliau di pilihan raya umum akan datang dalam temuramah tahunan bersama BERNAMA yang akan disiarkan serentak melalui lima rangkaian di RTM dan Astro, esok.

Perdana Menteri juga antara lain akan menyentuh mengenai prestasi ekonomi negara pada 2001 dan 2002, pelantikan Menteri-Menteri Kabinet, hubungan Kuala Lumpur-Washington, keganasan, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), krisis MCA dan keganasan di Palestin.

Temuramah selama 45-minit itu dikendalikan oleh Ketua Pengarang BERNAMA Jaafar Hussin dan Penolong Editor E.Sivabalan.

Rancangan bertema "Wawancara BERNAMA dengan Perdana Menteri" itu akan disiarkan melalui TV1 di RTM dan empat rangkaian di Astro iaitu Rangkaian 2 Ria (Melayu), Rangkaian 3 AEC (Cina), Rangkaian 4 Vaanavil (India) dan Rangkaian 500.

TV1 dan Ria akan menyiarkan rancangan itu pada 9 malam sementara AEC juga akan menyiarkannya serentak tetapi dengan sarikata dalam bahasa Cina.

Vaanavil pula akan menyiarkan rancangan itu pada 11.30 malam dengan sarikata dalam bahasa Inggeris sementara Rangkaian 500 akan menyiarkan rancangan itu pada 9.30 malam dan ulangannya pada 11 malam dan diulangi semula pada 11 pagi dan 7 petang Rabu dengan sarikata dalam bahasa Inggeris dan juga pada 3 petang dan 10 malam dengan sarikata dalam bahasa Cina.

-- BERNAMA

ES ES PR